

03 JUL 2004

Mahathir-Puji

DR MAHATHIR DIPUJI KERANA KIKIS TANGGAPAN BARAT LEBIH UNGGUL

Oleh: Shakir Husain

DUBAI, 3 Julai (Bernama) -- Seorang sarjana Universiti Damsyik, Syria, hari ini memuji bekas perdana menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad

kerana berjaya mengikis tanggapan bahawa bangsa Eropah lebih unggul.

Sambil menyifatkan Dr Mahathir sebagai "ahli politik luar biasa," Dr

Marwan Al Kabalan berkata "ramai yang kagum dengan semangat beliau sebagai seorang pemimpin. Seorang yang menjadi contoh kepada semua umat Islam."

"Kemahirannya setanding dengan Konrad Adenauer, canselor pertama Jerman selepas perang, yang berjaya mengembalikan negaranya daripada kemusnahan

perang kepada landasan pemodenan dan industri," kata tokoh akademik itu

dalam rencana mingguannya di akhbar Dubai Gulf News.

Artikel beliau yang bertajuk "Mahathir model respons terhadap idea

Barat" itu menyatakan bahawa pemodenan Malaysia telah menyangkal "teori

Barat yang sekian lama menggambarkan bahawa kelembapan proses pemodenan

dunia Islam adalah disebabkan budaya".

Al Kabalan menulis bahawa anggapan terhadap Islam oleh kebanyakan ahli

akademik Barat sebenarnya banyak dipengaruhi oleh teori perkauman ahli

falsafah dan sejarah Perancis Ernest Renan yang menyebarkan budaya unggul

bangsa Eropah.

"Dr Mahathir menyangkal kebanyakan idea Barat itu dan menjadikannya

sebagai cebisan sejarah. Pemimpin Malaysia itu telah membuktikan bahawa

minda umat Islam tidak tertutup tetapi terbuka kepada sains dan teknologi

dan mampu menghasilkan teknologi tinggi," kata Al Kabalan.

Beliau berkata Malaysia juga telah berjaya mencapai kemajuan tanpa

mengorbankan identiti agama dan budaya negara.

"Malangnya, Barat bukannya menyokong Malaysia dan mempromosinya sebagai

model tetapi menyerang Dr Mahathir dan membataskan falsafah beliau," kata

Al Kabalan.

Dr Mahathir melawat Syria bulan lepas dan menyampaikan syarahan bertajuk "Malaysia Model dalam Pelaburan dan Pembangunan Ekonomi" atas jemputan Universiti Damsyik.

-- BERNAMA

SKH SYZ MOZ